

**PENTING/PENAFIAN**

**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

<p style="text-align: center;"><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca dan fahami Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Juga pastikan yang anda membaca terma dan syarat umum.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di dalam Helaiian Pendedahan Produk ialah bersifat tentatif/jangkaan dan boleh berubah atas budi bicara Bank.</p>	<p style="text-align: center;"><b>NAMA PRODUK:</b>  <b>AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i)</b></p> <p style="text-align: center;">Jun 2019</p> <p style="text-align: center;"><b><i>AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)</i></b></p>
---	---

**MAKLUMAT RINGKAS PRODUK**

**1. Apakah Produk Ini?**

<b>Kontrak Syariah yang Digunakan</b>	TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (Mudarabah). Mudarabah ialah kontrak patuh syariah di antara Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”) sebagai pemberi modal ( <i>Rabbul-Mal</i> ) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“Bank”) sebagai pengurus dana ( <i>Mudarib</i> ). Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan di dalam aset pembiayaan Bank yang berkualiti akan dikongsi di antara IAH dan Bank berdasarkan kepada Nisbah Perkongsian Untung (PSR) yang dipersetujui bersama. Manakala, sebarang kerugian kewangan daripada pelaburan akan ditanggung oleh IAH kecuali jika kerugian kewangan tersebut berpunca daripada Bank atas sebab salah laku, kecuaiian, atau melanggar terma yang telah dinyatakan. Bank sebagai pengurus dana akan menanggung kerugian dari segi masa dan usaha dalam melaksanakan aktiviti pelaburan.
<b>Jenis Produk</b>	Produk ini diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada sejenis pelaburan di mana IAH memberikan mandat yang umum kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan/atau syarat khusus.
<b>Pihak-pihak yang terlibat, tugas-tugas serta tanggungjawab mereka</b>	Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH sebagai pelabur dan Bank yang bertindak sebagai pengurus dana yang berakujanji untuk menguruskan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Di bawah produk ini, IAH tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.

**KESESUAIAN PRODUK**

**2. Siapakah Yang Sesuai Dengan Produk Ini?**

<b>Jenis Pelanggan</b>	i. Individu; ii. Perniagaan Tunggal.
<b>Objektif Pulangan</b>	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang jarak waktu pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah dan sederhana.

**CIRI-CIRI UTAMA PRODUK**
**3. Saya Melabur Dalam Apa?**

<b>Strategi Pelaburan</b>	Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang berkualiti dan terpilih dalam parameter risiko yang telah ditetapkan di bawah Objektif Pulangan.
<b>Maklumat Aset-aset Pendasar</b>	Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan runcit dan komersial yang terpilih.
<b>Jumlah Minimum Pelaburan</b>	RM 500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus)
<b>Tempoh Pelaburan</b>	3 atau 6 bulan.
<b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebarang keuntungan yang dijana daripada TIA-i akan dikongsi bersama antara IAH dan Bank berdasarkan PSR 65:35 bagi pelaburan 3 bulan dan 68:32 bagi pelaburan 6 bulan yang telah dipersetujui bersama.</li> <li>PSR juga boleh disemak semula dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat, Bank akan memberikan sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada IAH, sebelum sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang baru dilaksanakan dan berkuatkuasa melalui saluran perhubungan Bank yang biasa digunakan.</li> <li>Jika semakan semula tersebut dilaksanakan untuk tempoh pelaburan baru yang IAH pada awalnya telah memilih ciri pembaharuan secara automatik sama ada modal sahaja atau modal berserta keuntungan, IAH mempunyai hak untuk mengeluarkan pelaburan mereka sebelum bermulanya tempoh pelaburan baru. Sekiranya IAH tidak mengeluarkan jumlah pelaburan tersebut, IAH dianggap bersetuju dengan PSR baru yang dicadangkan dan kadar jangkaan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank.</li> <li>Sekiranya semakan semula PSR adalah untuk dilaksanakan bagi tempoh pelaburan yang berbaki, maka semakan semula PSR tersebut ke atas IAH hanya boleh dilaksanakan dari masa tersebut dan seterusnya.</li> <li>Sekiranya lebihan keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan yang dijangka, IAH bersetuju bahawa lebihan keuntungan tersebut, jika ada, hak terhadap keuntungan tersebut akan digugurkan oleh IAH di bawah prinsip Syariah, Tanazul, dan akan dimiliki oleh Bank.</li> </ul>
<b>Kaedah Pembayaran Keuntungan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada tarikh matang.</li> <li>Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH berdasarkan PSR yang telah dipersetujui.</li> </ul>
<b>Fi dan Caj</b>	Tiada

<b>Pelaburan Semula / Pembaharuan Secara Automatik</b>	<p>IAH mempunyai pilihan untuk memilih ciri pembaharuan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dengan Pembaharuan Secara Automatik: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH; atau</li> <li>b) Modal berserta keuntungan (P+I).</li> </ul> </li> <li>Tanpa Pembaharuan Secara Automatik – pelaburan akan menjadi matang pada tarikh matang yang telah dinyatakan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) milik IAH.</li> </ul>												
<b>Contoh Pengiraan Keuntungan</b>	<p>Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah. (Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)</p> <table border="1" data-bbox="408 620 1519 1010"> <tr> <td><b>Tarikh Pelaburan</b></td> <td><b>1 Julai 2019</b></td> <td><b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b></td> <td><b>Pelanggan :Bank 65:35</b></td> </tr> <tr> <td><b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b></td> <td><b>RM 50,000</b></td> <td><b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b></td> <td><b>3.00% p.a.</b></td> </tr> <tr> <td><b>Tarikh Matang</b></td> <td><b>30 September 2019</b></td> <td><b>Tempoh Pelaburan</b></td> <td><b>3 Bulan</b></td> </tr> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Untung x Keuntungan Kasar</li> <li>Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365</li> </ul> <p>Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan = RM 50,000 x 3.00% x 92/365 = <b>RM 378.08</b></p>	<b>Tarikh Pelaburan</b>	<b>1 Julai 2019</b>	<b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>	<b>Pelanggan :Bank 65:35</b>	<b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b>	<b>RM 50,000</b>	<b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b>	<b>3.00% p.a.</b>	<b>Tarikh Matang</b>	<b>30 September 2019</b>	<b>Tempoh Pelaburan</b>	<b>3 Bulan</b>
<b>Tarikh Pelaburan</b>	<b>1 Julai 2019</b>	<b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>	<b>Pelanggan :Bank 65:35</b>										
<b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b>	<b>RM 50,000</b>	<b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b>	<b>3.00% p.a.</b>										
<b>Tarikh Matang</b>	<b>30 September 2019</b>	<b>Tempoh Pelaburan</b>	<b>3 Bulan</b>										
<b>Pengeluaran Pramatang</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan.</li> <li>Pengeluaran Pramatang dibenarkan tetapi tiada keuntungan akan diberikan sekiranya TIA-i tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan.</li> </ol>												
<b>Pembukaan Akaun</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk pemilik CASA-i / CASA sedia ada, langganan TIA-i boleh dibuat melalui Hong Leong Connect.</li> <li>Untuk bukan pemilik CASA-i / CASA, IAH dikehendaki membuka CASA-i di kaunter HLISB / HLBB. IAH akan diberi akses kepada Hong Leong Connect untuk melanggan TIA-i.</li> </ol>												
<b>Pengeluaran TIA-i</b>	Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui Hong Leong Connect.												
<b>Perlindungan PIDM</b>	Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).												

**4. Apakah Kemungkinan Hasil Daripada Pelaburan Saya?**

1. IAH berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
2. Modal dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin dalam keadaan TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi yang dijangkakan.

**Jangkaan Keuntungan & Kerugian (Bagi Pelaburan sebanyak RM 50,000)**

Simulasi Pasaran Terbaik			Simulasi Pasaran Terburuk		
Tarikh	OPR	Kadar Keuntungan kepada IAH	Tarikh	OPR	Kadar Keuntungan kepada IAH
Jan 2018	Meningkat sebanyak 25 **bps	*3.66%	Jan 2018	Menurun sebanyak 55 **bps	*1.66%
*Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1 bps = 0.0001			* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1 bps = 0.0001		

**Nota:**

Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan kepada data tertinggi (26 April 2006) dan terendah (8 Ogos 2005) Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) Bank Negara Malaysia (“BNM”) dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, iaitu kenaikan /penurunan OPR diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan portfolio (iaitu peningkatan 25 mata asas (bps) atau penurunan 55 mata asas (bps) kepada pulangan Akaun Pelaburan), dan dengan semua faktor lain tidak berubah.

**PENILAIAN**

**Bank akan membuat penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS 9”) yang akan dilaksanakan secara bulanan.**

Laporan prestasi Dana akan disediakan bersama penyata suku kewangan di semua cawangan dan disiarkan melalui laman sesawang di <https://www.hlisb.com.my/IA-i>

## RISIKO UTAMA

### 5. Apakah Risiko Utama Yang Berkaitan Dengan Produk Ini?

<b>(a) Risiko Kehilangan Modal</b>	Pelaburan mempunyai risiko berlaku pengurangan kepada nilai asal pelaburan. Bagi menguruskan risiko ini, Bank hanya akan melaburkan dana dalam portfolio aset pembiayaan yang berisiko rendah dan menerapkan standard/tetapan pengurusan pelaburan yang kukuh. Pengimbangan semula portfolio boleh dilaksanakan untuk memastikan aset-aset yang tidak sesuai dengan strategi dan objektif dana pengimbangan semula.
<b>(b) Risiko Pasaran</b>	Risiko Pasaran ialah kemungkinan pelabur akan mengalami kerugian atas faktor-faktor yang boleh menjejaskan prestasi keseluruhan pasaran kewangan, yang secara tidak langsung akan menjejaskan prestasi aset-aset pendasar utama. Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan kepada risiko pasaran dengan menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini bagi membolehkan Bank mengurangkan kedudukan dana secara efektif berdasarkan rangka kerja risiko yang telah diluluskan.
<b>(c) Risiko Kecairan</b>	Risiko Kecairan ialah risiko Bank berkemungkinan tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran jangka masa pendek daripada IAH. Berdasarkan kepada rekod aktiviti pengeluaran yang terdahulu, Bank akan menjalankan 'stress test' dan membangunkan kaedah bagi mengurangkan risiko kecairan. Ketidaksamaan aliran tunai berdasarkan tempoh matang akan dianalisa dan dipantau di bawah rangka kerja kecairan sebagaimana yang dinyatakan oleh BNM. Potensi kerugian yang terhasil daripada risiko kecairan ke atas IAH akan mengakibatkan pulangan yang lebih rendah dan potensi nilai modal asal berkurangan.
<b>(d) Risiko Kredit</b>	Risiko ini boleh terjadi apabila sejumlah besar daripada aset pendasar dana mengalami kegagalan. Ini akan diuruskan oleh Bank dengan pemilihan secara teliti aset yang berpotensi dan berkelayakan, serta pengawasan yang rapi ke atas prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan tersebut selari dengan strategi dan objektif dana.
<b>(e) Risiko Keputusan Pelaburan</b>	Risiko ini berlaku sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak sejajar dengan pergerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan yang teliti dan tadbir urus yang ketat akan dilaksanakan oleh Bank dalam proses membuat keputusan.
<b>(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan</b>	Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan melalui pelaksanaan polisi dan prosedur bank secara keseluruhannya.
<b>(g) Risiko Tidak Patuh Syariah</b>	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM atau Jawatankuasa Syariah Bank. Bank akan memantau perkara ini dengan panduan daripada Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan tersebut mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
<b>(h) Risiko Negara</b>	Kestabilan ekonomi dan politik sesuatu negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
<b>(i) Risiko Industri / Sektor</b>	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko tersebut.

'Anda dinasihatkan untuk berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan.'

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN

### 6. Apa Yang Perlu Dilakukan Jika Saya Menukar Maklumat Hubungan?

Anda perlu memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang penukaran maklumat hubungan untuk memastikan semua perhubungan dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat surat-menyurat anda, sila hubungi talian kami di +603-7626 8899 atau lawati mana-mana cawangan HLISB / HLBB di seluruh negara.

## 7. Siapa Yang Perlu Saya Hubungi Jika Ingin Membuat Aduan?

1. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau komen sila hubungi, e-mel atau faks kami di:

### **Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience**

Hong Leong Bank Berhad,  
13A Floor, Menara Hong Leong,  
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-7626 8899 Faks : 03-7946 8888 E-mel : [HLOnline@hlibb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlibb.hongleong.com.my)

2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada Bank Negara Malaysia di:

### **Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTLELINK**

Alamat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## PERINGATAN

**PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN INI DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").**

*Maklumat di dalam helaian pendedahan ini sah pada 1 Jun, 2019*